

## **BAHAGIAN PEMBANGUNAN**

### **Objektif**

Mengurus dan menyelaraskan program pembangunan masyarakat dan pembangunan fizikal di peringkat daerah Hulu Selangor melalui aktiviti-aktiviti berbentuk pembangunan modal insan, sosio-ekonomi serta pelaksanaan projek-projek kecil pembangunan infrastruktur awam dan asas luar bandar.

### **Fungsi Utama**

- ✓ Urusetia bagi Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah
- ✓ Mengurus peruntukan Ahli Dewan Negeri (ADN) dan Ahli Parlimen.
- ✓ Mengurus perolehan secara sebutharga untuk Perkhidmatan, Bekalan dan Kerja bagi Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor.
- ✓ Mengurus dan menyelaraskan aspek pembangunan fizikal di peringkat daerah.
- ✓ Mengurus dan menyelaraskan aspek pembangunan masyarakat di peringkat daerah.

## Fungsi Unit Pembangunan Fizikal

Mengurus dan memantau pelaksanaan projek-projek kecil pembangunan infrastruktur awam dan asas luar bandar di peringkat daerah seperti berikut:

- ✓ Projek-projek kecil pembangunan menggunakan peruntukan yang disalurkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Pejabat Perbendaharaan Negeri (PWN) dan Menteri Besar Incorporated (MBI).
- ✓ Projek di bawah peruntukan Jawatankuasa Tetap (STANDCO) Kampung Baru / Bagan / Tersusun.
- ✓ Pelaksanaan projek-projek bina baru Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin.
- ✓ Pelaksanaan projek-projek baikpulih Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin.
- ✓ Perancangan pembangunan fizikal di setiap mukim yang meliputi jalan raya, balai raya, longkang dan fasiliti sukan.



## Fungsi Unit Pembangunan Masyarakat

Mengurus dan memantau pelaksanaan aktiviti-aktiviti berbentuk pembangunan modal insan, sosio-ekonomi serta kemasyarakatan di peringkat daerah seperti berikut:

- ✓ Pelantikan dan penamatan perkhidmatan bagi jawatan Ketua Kampung Tradisi, Pengerusi JKKK Kampung Baru dan Ketua Komuniti Kaum India.
- ✓ Tuntutan elaun mesyuarat, elaun menghadiri mesyuarat JKKK dan tuntutan pelaksanaan program-program kemasyarakatan di peringkat Kampung Tradisi, Kampung Baru dan Ketua Komuniti Kaum India.
- ✓ Permohonan bagi Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin Negeri Selangor.
- ✓ Permohonan untuk Dana Industri Kampung Negeri Selangor.
- ✓ Permohonan Blueprint Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor
- ✓ Permohonan di bawah Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) seperti Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), Hadiah Pengajian Institusi Pengajian Tinggi (HPIPT) dan lain-lain.
- ✓ Mesyuarat Penyelarasan Mukim.